



Seramai 1,600 peserta dari dalam dan luar negara dijangka akan menyertai acara berbasikal di Port Dickson, Ahad ini.

Thursday, 03 October 2019



PORT DICKSON - Seramai 1,600 peserta dari dalam dan luar negara dijangka akan menyertai acara berbasikal Bank Muamalat - Avillion Coastal Ride 2019 (ACR19) di Port Dickson, Ahad ini.

Turut akan mengambil bahagian adalah, atlet berbasikal negara Muhammad Fauzan Ahmad Lutfi serta penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin.

Acara berbasikal itu dibahagi kepada tiga kategori iaitu acara 30 kilometer Fun Ride, 80 kilometer Scenic Ride dan 160 kilometer bagi Endurance Ride.

Pengarah Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Kumpulan Hotel Avillion, Helen Tan, program yang memasuki edisi ketiga

penganjurannya sejak dimulakan pada 2017, mendapat sambutan menggalakkan, termasuk peserta dari Singapura.

Tambahnya, acara berkenaan telah memecah rekod dengan mendapat penyertaan terbanyak sejak ia diperkenalkan.

Selain Bank Muamalat, acara turut mendapat kerjasama Toyota, F&N, 100 Plus, dan Kapal Api.